

Cekup Dada Kuning
Yellow-breasted Warbler

FAMILI: Estrildidae
NAMA SAINTIFIK: *Seicercus montis*

CIRI-CIRI

Individu dewasa bagi spesies ini menyerupai spesies *S.castaniceps*, tetapi spesies ini mempunyai bahagian sisi kepala berwarna merah manakala bahagian belakang badan berwarna kehijauan serta bahagian bawah badan yang berwarna kuning.

SAIZ

Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai saiz di antara 9.5-10 sm.

MAKANAN

Serangga-serangga kecil dan labah-labah. Adakalanya spesies ini memakan buah-buahan seperti beri, bijian dan juga madu bunga.

HABITAT

Kawasan hutan dipterokap pada ketinggian di antara 1,160 hingga 2,185 m dari aras laut.

BUNYI

Bunyi yang hampir sama dengan spesies Cekup Mahkota Coklat, *S.castaniceps* *wi si' si-si 'si da wi si-si-si' si'si*.

PEMBIAKAN

Musim membiak bagi spesies ini adalah pada bulan Januari-Julai di mana sarang berbentuk seperti kubah dibina di dalam lubang di kawasan tebing pematang. Telur yang dihasilkan adalah sebanyak 2 biji.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.